

ANUGERAH JAUHARI BERITA HARIAN



**BERANI HADAPI CABARAN:** Cik Yusrina Ya'akob berkata pengalaman menawan puncak Gunung Everest mengajarnya agar tidak mudah mengalah jika menghadapi cabaran dan rintangan dalam perjalanan mencapai impiannya. – Foto IQBAL FAIZAL

# Anugerah beri peluang kongsi pengalaman



**BERJAYA TAWAN GUNUNG EVEREST:** Cik Nur Yusrina Ya'akob (depan), bergambar bersama anggota pasukannya, Encik Jeremy Tong (tengah) dan Dr Arjunan Saravana Pillai ketika mendaki Gunung Everest Mei lalu. Cuma Cik Yusrina berjaya menaiki puncak tertinggi dunia itu. – Foto fail

► **NUR DHUHA ESOOF**  
nurdhuha@sph.com.sg

PERIH-JERIH yang dilalui semasa pendakian ke puncak tertinggi dunia, Gunung Everest, membuat Cik Nur Yusrina Ya'akob yakin beliau dapat mengharungi apa jua cabaran yang menantinya pada masa hadapan.

Bagi pendaki berusia 30 tahun itu, pendakian tersebut telah menimbulkan tekad dan semangat lebih kuat dalam dirinya apabila menghadapi rintangan.

“Walaupun saya telah sampai ke puncak Gunung Everest, ini tidak bermakna bahawa tiada apa lagi yang tidak mampu saya lakukan. Saya masih muda dan akan menghadapi banyak cabaran dalam kehidupan saya.”

“Pengajaran yang saya bawa pulang daripada pendakian itu yang dapat saya gunakan jika saya menghadapi cabaran di masa akan datang. Sebagai contoh, jika cabaran meningkat, mungkin di tempat kerja, saya tidak akan mudah mengalah atau mencari jalan mudah,” kata pegawai perkhidmatan awam itu.

Cik Yusrina wanita Melayu/Islam pertama Singapura yang berjaya mendaki puncak tertinggi dunia pada ketinggian 8,848 meter itu Mei lalu.

Kejayannya tersebut diraihinya pada percubaan mendaki Gunung Everest yang kedua setelah percubaan pertama dua tahun lalu terpaksa dibatalkan secara mendadak disebabkan gempa bumi melanda Nepal.

Pencapaiannya itu diiktiraf apabila beliau menerima Anugerah Jauhari Harapan di majlis Anugerah Jauhari Berita Harian di Hotel Mandarin Orchard malam tadi.

Anugerah tersebut bertujuan menghargai sumbangan anggota masyarakat Melayu/Islam di Singapura yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam bidang pilihan mereka termasuk pendidikan, sukan dan seni.

Menurut Cik Yusrina, selepas percubaan pertamanya dibatalkan, beliau tidak berasa tenang kerana masih belum mendapat jawapan sama ada beliau mampu menawan Gunung Everest.

“Mendaki Gunung Everest adalah sesuatu yang memang saya impikan namun saya tidak pernah terfikir akan dapat mencapai impian itu sehingga saya melihat senior saya berjaya sampai ke puncak pada 2009. Sejak itu, impian saya semakin membara.”

“Selepas percubaan pertama terpaksa dibatalkan, saya mahu mendaki sekali lagi kerana saya perlukan jawapan. Saya perlu tahu sama ada saya mampu sampai ke puncak kerana semasa percubaan kali pertama, saya pulang bukan kerana saya gagal tapi kerana satu bencana,” kata Cik Yusrina yang kali pertama mendaki gunung ketika berusia 17 tahun.

Dalam hampir empat bulan sejak pencapaiannya itu, beliau telah mendaki dua lagi gunung dan telah dijemput mengongsi pengalamannya di pelbagai acara serta menerima beberapa pengiktirafan.

Cik Yusrina berkata beliau langsung tidak sangka akan menerima Anugerah Jauhari Harapan namun menghargai pengiktirafan itu kerana ia memberinya peluang mengongsi pengalamannya dengan orang ramai.

“Saya tidak pernah mengharap apa-apa kerana bagi saya kepuasan datang daripada keupayaan saya mengharungi cabaran dan mencapai impian saya.”

“Bagaimanapun, saya berterima kasih kerana dipilih menerima anugerah ini kerana ia memberi saya peluang mengongsi pengalaman saya. Lebih ramai dapat tahu tentang cabaran yang saya hadapi dan mereka dapat belajar daripadanya.”

“Mudah-mudahan mereka juga terdorong mencapai impian dan mengharungi cabaran mereka sendiri bukan sekadar untuk mendaki gunung tetapi malah apa sahaja impian mereka,” kata Cik Yusrina.

“Saya berterima kasih kerana dipilih menerima anugerah ini kerana ia memberi saya peluang mengongsi pengalaman saya. Lebih ramai dapat tahu tentang cabaran yang saya hadapi dan mereka dapat belajar daripadanya. Mudah-mudahan mereka juga terdorong mencapai impian dan mengharungi cabaran mereka sendiri bukan sekadar untuk mendaki gunung tetapi malah apa sahaja impian mereka.”

– Cik Yusrina Ya'akob, penerima Anugerah Jauhari Harapan.

## TUKILAN EMPAT PEMENANG ANUGERAH JAUHARI PERNIAGAAN BERITA HARIAN



“Langkah memperkenalkan Anugerah Jauhari Perniagaan satu langkah besar dalam pengiktirafan Berita Harian kepada peniaga Melayu/Islam Singapura. Ia bukan sekadar

rangsangan baru bagi masyarakat perniagaan. Lebih daripada itu, anugerah ini menekankan pentingnya sumbangan peniaga Melayu/Islam dalam memperkasa ekonomi serta meningkatkan tahap pencapaian masyarakat kita. Sebagai antara penerima pertama anugerah ini, saya amat bersyukur dan tersentuh. Ia adalah satu amanah untuk saya terus maju dan menjadi pendorong kepada golongan usahawan lain. Selama lebih 30 tahun saya melalui jerih payah dunia perniagaan dan juga sebagai aktivis masyarakat, pencapaian saya ini tidak mungkin dicapai tanpa pengorbanan keluarga yang memahami serta sumbangan dan sokongan warga kerja saya.”

– Encik Suhaimi Salleh, CEO, SSA Consulting Group.



“Terima kasih kepada Berita Harian kerana menjadi suara dalam masyarakat Melayu dan kerana meraikan ulang tahun yang ke-60 tahun ini. Saya berasa amat berbesar hati diberi Anugerah

Jauhari Perniagaan Berita Harian yang julung-julung kali diperkenalkan dan perjalanan keusahawanan saya selama 20 tahun diiktiraf oleh pengadil. Kami menerima sokongan padu daripada masyarakat Melayu/Islam apabila Nooris Consultants dimulakan yang menjadi akar pembentukan PropNex Realty. Hari ini, ia telah berkembang kepada PropNex Realty, agensi hartanah Singapura terbesar dengan hampir 7,000 ejen.”

– Encik Mohamed Ismail Gafoor, CEO, PropNex Realty.



“Apabila kita lakukan sesuatu dengan baik, kita berharap untuk menyalur apa jua bantuan untuk membantu orang lain demi kesejahteraan negara yang tercinta.”

– Encik Mohamed Abdul Jaleel, CEO, MES Group.



“Menyinkap kembali perjalanan saya, saya berasa bertuah kerjaya saya setiap hari dipenuhi dengan kasih sayang dan rasa ihsan. Walaupun pada 1980-an, pendidikan awal

kanak-kanak tidak menonjol seperti kerjaya lain, saya tahu ini adalah apa yang ingin saya lakukan kerana kerja ini adalah istimewa, dan datang dengan ganjaran yang mungkin tidak kelihatan di mata kasar tetapi penting dalam hati kita. Senyuman anak-anak kita menjadikan hari paling sukar, lebih baik. Jadi, saya dedikasikan 30 tahun hidup saya untuk memperbaiki kehidupan kanak-kanak demi mempersiapkan mereka bagi 30 tahun mendatang. Saya juga menghabiskan 30 tahun memupuk dan menyakinkan pendidik muda paling berbakat mengenai kepentingan usaha kita dan memberi inspirasi mengenai kesan kerjaya ini terhadap anak-anak kita, masyarakat dan masa hadapan kita.”

– Jummaida Rusdon, CEO, Busy Bees Asia.